

PEMBACA UTUSAN MALAYSIA MULA TEBUS TIKET WATERWORLD@ I-CITY



KUALA LUMPUR 10 Mac - Pembaca setia Utusan Malaysia dan Mingguan Malaysia kini boleh menebus dua keping tiket masuk percuma ke Waterworld@i-City mulai hari ini sehingga 19 Mac sempena Karnival Riuhan Sakan yang akan diadakan di i-City, Shah Alam pada 22 dan 23 Mac ini.

Penolong Pengurus Komunikasi Korporat Utusan Melayu (M) Berhad, Nik Anura Nik Abdul Rahman berkata, penukaran tiket boleh dibuat mulai dari pukul 10 pagi hingga 5 petang di Ibu Pejabat Utusan Malaysia dan di Pejabat Pemasaran di cawangan Petaling Jaya, Shah Alam dan Klang pada hari bekerja.

“Tiket berkenaan boleh dituntut sehingga 19 Mac ini selagi tiket masih ada. Malah, orang ramai boleh menghubungi talian 03-92324437/4438 untuk maklumat lanjut,” katanya di sini hari ini.

Kelmarin, wakil Northport (Malaysia) Berhad, Mohd. Azmi Mohd. Anis menyerahkan tajaan berjumlah RM8,000 kepada Pengurus Komunikasi Korporat Kumpulan Utusan, Nur Shafina Redzuan. Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Utusan Karya Berhad, Azlan Naim Abdullah.

Dalam pada itu, beliau berkata, mereka yang berminat untuk menyertai karnival berkenaan, masih boleh berbuat demikian dengan membawa 10 kepala dua akhbar itu bertarikh 24 Februari hingga 19 Mac ini untuk ditukarkan dengan dua keping tiket bernilai RM70 bagi membolehkan mereka masuk percuma ke Waterworld@i-City.

“Jangan lepaskan peluang beriadah sambil berhibur bersama artis-artis terkenal selain menyertai pelbagai aktiviti yang dirancang selain berpeluang memenangi hadiah-hadiah menarik dalam cabutan bertuah,” jelasnya.

Tambahnya, anak syarikat Kumpulan Utusan, Utusan Karya turut akan mengadakan beberapa aktiviti seperti Mini Studio, mencari harta karun bagi kategori kanak-kanak dan Musical Science Infinity dalam karnival tersebut.

“Pengunjung juga diminta tidak melepaskan peluang untuk mengunjungi gerai lelongan buku dan majalah terbitan Kumpulan Utusan pada karnival tersebut,” katanya.